



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : KOMPUTER DAN PENGGUNAANNYA
KOD KURSUS : COM1023
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (30 Markah)
BAHAGIAN B (70 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 18 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1.

Peranti elektronik yang beroperasi di bawah kawalan arahan yang disimpan dalam memori

Rajah 1


Pernyataan seperti di dalam Rajah 1 merujuk kepada maksud

- A. komputer
 - B. peranti input
 - C. peranti output
 - D. storan sekunder
2. Yang manakah antara berikut merupakan kelebihan menggunakan komputer?
- A. Data yang diproses lebih lambat
 - B. Data boleh berubah bila- bila masa sahaja
 - C. Data dapat dipindahkan dengan lebih cepat
 - D. Boleh berhubung dengan komputer lain dengan adanya wayar sahaja
3. Manakah antara berikut elemen sistem maklumat?
- A. Tetikus
 - B. Unit sistem
 - C. Perkakasan
 - D. Peranti input
4. Apakah itu input?
- A. Peranti yang digunakan untuk memaparkan output
 - B. Sebarang data yang dikeluarkan daripada komputer
 - C. Memori komputer yang digunakan untuk menyimpan data
 - D. Sebarang data dan arahan yang dimasukkan ke dalam memori komputer

5. Berikut adalah kategori peranti input KECUALI

- A. peranti petunjuk
- B. peranti simpanan
- C. pengawal permainan
- D. *source data automation*

6. Rajah 2 di bawah merujuk kepada kategori peranti input _____



Rajah 2

- A. papan kekunci
- B. peranti petunjuk
- C. pengawal permainan
- D. *source data automation*

7. Apakah jenis input yang dimasukkan ke dalam komputer melalui peranti input audio?

- A. Kod
- B. Bunyi
- C. Gambar
- D. Perkataan

8.



Rajah 3

Rajah 3 di atas ialah _____

- A. kayu ria
 - B. pad menari
 - C. mesin pencetak
 - D. mesin pengimbas
9. Apakah yang dimaksudkan dengan unit sistem?
- A. Unit kepada sebuah sistem
 - B. Peranti petunjuk yang digunakan semasa melakukan pembentangan
 - C. Sebuah peranti yang membenarkan komputer melakukan proses pengiraan sahaja
 - D. Bahagian yang mengandungi komponen elektronik komputer yang digunakan untuk memproses data
10. Pemproses juga dikenali sebagai
- A. tetikus
 - B. kalkulator
 - C. papan kekunci
 - D. *Central Processing Unit (CPU)*

11. Pemproses boleh dibahagikan kepada tiga jenis. Apakah tiga jenis pemproses tersebut?
- A. Pemproses pengiraan, pemproses petunjuk, pemproses input
 - B. Pemproses berbilang teras, pemproses teras –*quad*, pemproses dwi-teras
 - C. Pemproses perkataan, pemproses helaian elektronik, pemproses serap bunyi
 - D. Pemproses perkataan, pemproses hamparan, pemproses perisian persembahan grafik
12. X ialah data yang telah diproses ke dalam suatu bentuk yang berguna. Apakah X?
- A. Input
 - B. Storan
 - C. Output
 - D. Memori
13. Manakah antara berikut merupakan kategori peranti output?
- I. Projektor data
 - II. Mesin pencetak
 - III. Peranti paparan
 - IV. Papan putih interaktif
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. Semua jawapan di atas
14. Apakah bentuk output yang dikeluarkan daripada mesin pencetak?
- A. Bunyi
 - B. Cahaya
 - C. Salinan keras
 - D. Salinan lembut


15. Apakah fungsi komponen di dalam Rajah 4 di bawah?



Rajah 4

- A. Memaparkan gambar pada skrin
 - B. Menyimpan data, arahan dan maklumat
 - C. Memasukkan perkataan ke dalam komputer
 - D. Mengira operasi Matematik di dalam komputer
16. Apakah yang dimaksudkan dengan peranti storan?
- A. Nama lain bagi peranti output
 - B. Perisian yang digunakan untuk mengira formula matematik
 - C. Perkakasan komputer yang digunakan untuk menaip data dan maklumat
 - D. Perkakasan komputer yang merekod dan mendapatkan sesuatu dari dan kepada media storan
17. Apakah kebaikan menggunakan storan awan?
- A. Fail boleh diakses dari mana- mana komputer
 - B. Boleh digunakan walaupun tiada sambungan internet
 - C. Hanya fail yang bersaiz kecil sahaja yang boleh disimpan
 - D. Pengguna tertentu sahaja yang boleh mengakses maklumat dari storan awan
18. Berikut merupakan antara fungsi sistem pengoperasian KECUALI
- A. menguruskan memori
 - B. menguruskan program
 - C. memberikan pengguna antaramuka
 - D. tidak membenarkan pembaharuan automatik

19. Rajah 5 di bawah menunjukkan contoh sistem pengoperasian _____




Rajah 5

- A. Baru
- B. Server
- C. Tertanam
- D. *Stand- Alone*

20. Program utiliti ialah perisian sistem yang membenarkan pengguna melakukan kerja-kerja _____

- A. menaip
- B. mengira
- C. menghias
- D. penyelenggaraan

21. Rajah 6 di bawah ialah salah satu program utiliti. Apakah fungsi utama program tersebut?



Rajah 6

- A. Membenarkan pengguna untuk mendengar muzik
 - B. Memberikan pengguna peluang untuk melihat hidupan di dalam laut
 - C. Membenarkan pengguna untuk memaparkan, menyalin dan mencetak isi kandungan fail grafik
 - D. Membenarkan pengguna komputer untuk melakukan pembentangan projek menggunakan perisian yang bersesuaian
22. Berikut merupakan kebaikan menggunakan perisian aplikasi KECUALI
- A. menghalang komunikasi
 - B. menjadikan aktiviti perniagaan lebih efisien
 - C. membantu projek yang mengandungi grafik dan multimedia
 - D. menyokong tugas- tugas di rumah, personal dan pendidikan
23. Pemprosesan perkataan adalah contoh perisian perniagaan. Apakah perisian pemprosesan perkataan yang selalu digunakan?
- A. *Adobe Reader*
 - B. *Adobe Photoshop*
 - C. *Microsoft Word 2010*
 - D. *Microsoft Power Point 2010*

24. Internet pada awalnya dikenali sebagai

- A. ARPANT
- B. ARPANET
- C. ARPUNET
- D. ARTENET

25. Setiap komputer atau peranti yang berhubung dengan internet akan diberi suatu nombor unik yang dikenali sebagai

- A. alamat IP
- B. nombor ID
- C. nombor siri
- D. alamat rumah

26. Rajah 7 di bawah ialah contoh



Rajah 7

- A. komputer
- B. laman web
- C. server web
- D. pelayar web


27. Manakah antara berikut merupakan jenis laman web?

- I. portal
 - II. berita
 - III. informasi
 - IV. perniagaan / pemasaran
- A. I, II dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. Semua jawapan di atas

28. Antara contoh format grafik ialah

- A. gif
- B. flv
- C. mp3
- D. mp4

29. Apakah yang akan terjadi apabila kekunci dalam Rajah 8 ditekan ketika menggunakan perisian *Microsoft Word*?



Rajah 9

- A. Teks ditampal
- B. Teks ditukar tempat
- C. Mencetak dokumen
- D. Teks tersebut dipotong

30. Apakah fungsi yang digunakan untuk mencari purata sesebuah rekod menggunakan *Microsoft Excel*?

- A. =SUM(A1:A8)
- B. =COUNT(A1:A8)
- C. =PURATA(A1:A8)
- D. =AVERAGE(A1:A8)

[30 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a) Senaraikan **TIGA(3)** kategori komputer (3 markah)

b) Senaraikan **DUA(2)** kelebihan dan **DUA(2)** kelemahan dalam menggunakan komputer (4 markah)

c) Nyatakan **TIGA(3)** elemen sistem maklumat. (3 markah)

SOALAN 2

- a) Berikan maksud unit sistem? (2 markah)
- b) Senaraikan **EMPAT(4)** komponen yang termasuk di dalam unit sistem pada komputer personal (4 markah)
- c) Nyatakan fungsi unit kawalan di dalam pemproses sesebuah komputer (2 markah)
- d) Unit sistem mengandungi dua jenis memori iaitu memori meruap dan memori tidak meruap. Nyatakan contoh untuk setiap memori tersebut (2 markah)

SOALAN 3

a) Nyatakan maksud storan (2 markah)

b) Senaraikan **TIGA(3)** contoh peranti storan (3 markah)

c) Nyatakan **TIGA(3)** jenis cakera keras (3 markah)

d) Terangkan **SATU(1)** kelebihan menggunakan peranti storan berbanding storan utama (2 markah)

SOALAN 4

- a) Nyatakan maksud perisian sistem (2 markah)
- b) Berikan **TIGA(3)** fungsi sistem pengoperasian (3 markah)
- c) Apakah yang dimaksudkan dengan sistem pengoperasian *stand-alone*?
Berikan **SATU(1)** contoh sistem pengoperasian tersebut. (3 markah)
- d) Nyatakan **DUA(2)** contoh sistem pengoperasian untuk telefon pintar (2 markah)

SOALAN 5

a) Berikan definisi komunikasi komputer (2 markah)

b) Nyatakan **DUA(2)** kelebihan rangkaian (2 markah)

c) Berikan fungsi setiap singkatan di bawah: (4 markah)

i. LAN –

ii. MAN –

iii. WAN –

iv. WLAN –

d) Topologi rangkain gelung (*ring*) adalah salah satu contoh topologi rangkaian yang sering digunakan. Lukiskan topologi rangkaian tersebut (2 markah)

SOALAN 6

- a) Nyatakan maksud internet (2 markah)
- b) Namakan **EMPAT(4)** format imej yang sering digunakan (4 markah)
- c) Terangkan perbezaan antara server web dan pelayar web (2 markah)
- d) Terangkan **DUA(2)** etika penggunaan internet yang tidak baik (2 markah)

SOALAN 7

Soalan berikut merujuk kepada Microsoft Excel pada Rajah 9

The screenshot shows the Microsoft Excel interface with the following data:

	A	B	C	D	E	F
1						
2				Stok Bulanan (paket)		
3	Num	Barang	Kod Barang	Ogos	September	
4	1	Air mineral	AM	63	12	
5	2	Coklat masakan	CM	22	33	
6	3	Tepung gandum	TG	45	2	
7	4	Gula	GU	63	3	
8	5	Garam	GA	12	44	
9	6	Mentega	ME	34	53	
10	7	Marjerin	MA	56	2	
11	8	Susu tepung	ST	54	3	
12	9	Tepung beras	TB	32	45	
13	10	Mee Hoon	MH	89	67	
14						
15			Jumlah		264	
16			Bilangan Barang			
17			Purata Stok	47		
18			Stok Maksimum		67	
19			Stok Minimum			
20						

Rajah 9

- a) Tulis formula pada sel D15 untuk mengira jumlah stok untuk bulan Ogos
(2 markah)

- b) Tulis formula pada sel D16 untuk mengira bilangan barang (2 markah)
- c) Tulis formula pada sel E17 untuk mengira purata stok untuk bulan September (2 markah)
- d) Tulis formula pada sel D18 untuk mencari stok maksimum untuk bulan Ogos (2 markah)
- e) Tulis formula pada sel D19 dan E19 untuk mencari stok minimum untuk bulan Ogos dan September (2 markah)

[70 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

